

14/05/1998

Bantuan langkah tangani masalah serantau

SUNGAI PETANI, Rabu - Bantuan kewangan kepada Indonesia yang diumumkan kerajaan baru-baru ini adalah sebahagian daripada langkah membantu menangani masalah serantau yang dihadapi negara jiran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata sumbangan itu perlu dilihat sebagai sesuatu yang positif dalam usaha meningkatkan kerjasama serantau.

Sehubungan itu, rakyat perlu melihat ia sebagai usaha menyeluruh kerajaan membantu membangunkan semula negara jiran yang juga rakan dalam blok rantau yang sama.

"Kita tidak seharusnya melihat kepentingan diri sendiri saja, tetapi perlu juga memandang dari segi kepentingan bersama antara negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Perkongsian Bestari Ke Era Globalisasi anjuran bersama Jabatan Kastam dan Eksais dan Gabungan Industrialis Pengilang Bumiputera Negeri Kedah (GIPB) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas rungutan sesetengah pihak mengenai kewajaran kerajaan memberi bantuan kewangan kepada Indonesia ketika negara sendiri sedang dilanda kegawatan ekonomi.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan Malaysia memberikan pinjaman kewangan AS\$250 juta kepada Indonesia sementara negara itu menunggu baki pinjaman daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang akan dikeluarkan bagi memulihkan negara itu.

Menteri Kewangan Indonesia, Fuad Bawazier, ketika menyampaikan penghargaan kerajaannya kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia adalah tanda sokongan Malaysia terhadap negaranya dalam menangani masalah ekonomi dan kewangan.

Anwar pula menyatakan bahawa ia menunjukkan komitmen Malaysia dalam membantu Indonesia melaksanakan perubahan selaras perjanjiannya dengan IMF.

Dr Shafie menjelaskan bantuan perlu disalurkan kerana ia juga sebagai usaha memupuk keyakinan di kalangan pelabur asing dan menarik minat mereka melabur.

(END)